

Jurang Barat-Timur perlu dirapatkan

BU 25 JUN 2003

KUALA LUMPUR: Peringatan mengenai sikap dan ancaman bangsa Eropah oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Umno minggu lalu adalah realiti yang perlu dinyatakan bagi mewujudkan persefahaman dan merapatkan jurang di antara Barat dan Timur.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata perbezaan yang wujud itu tidak boleh dibiarkan begitu saja tanpa sebarang usaha mengatasinya.

“Ya, mereka bangkitkan, mereka tanya macam mana nak wujudkan persefahaman kalau ada sikap kita-kita... dia-dia. Jawapan saya ialah jurang di antara Eropah dan Timur adalah suatu realiti yang wujud. Untuk menyelesaikan realiti itu kita tidak boleh *sweep under the carpet* (disorokkan).

“Saya nyatakan perbincangan di Evian, Perancis (Sidang Kemuncak Negara Kumpulan Lapan) adalah perbincangan yang mendatangkan manfaat kerana

secara langsung mereka dapat mendengar pandangan dan pendapat negara membangun dalam interaksi di antara negara G8 dan negara membangun atau negara Selatan.” katanya selepas ucapan bertajuk ‘Cabaran Global: Perspektif Malaysia’ pada Program Serantau Malaysia anjuran Paddy Schubert Sdn Bhd dan The Economist Corporate Network.

Beliau ditanya sama ada ucapan Perdana Menteri yang disifatkan media asing sebagai anti Eropah boleh menjejaskan pelaburan Barat ke Malaysia dibangkitkan pada sesi dialog badan perunding strategik korporat itu.

Dialog setengah hari itu dihadiri duta dan pesuruhjaya asing serta ketua eksekutif syarikat asing yang beroperasi di sini.

Ditanya persepsi anggota Program Serantau Malaysia itu, Syed Hamid berkata, mereka menunjukkan minat berhubung pendirian Malaysia mengenai pelbagai isu antarabangsa, termasuk Palestin.